

Headline	700,000 akaun TH tak aktif tujuh tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	239 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,245



PENDEPOSIT TH dinasihat aktifkan akaun.

## 700,000 akaun TH tak aktif tujuh tahun

**Kuala Lumpur:** Lebih 700,000 akaun pendeposit Tabung Haji (TH) membabitkan jumlah simpanan RM60.4 juta didapati tidak aktif tanpa sebarang transaksi melebihi tujuh tahun berturut-turut mulai tahun 2012.

Justeru, TH berkata, mana-mana akaun yang masih tidak diaktifkan selepas 1 November 2019 akan dipindahkan ke dalam kumpulan Akaun Dormant ('Tidak Aktif') dan akaun berkenaan tidak lagi memperoleh manfaat sebagai pendeposit Akaun Aktif TH.

**RM60j**  
Jumlah wang disimpan  
700,000 pendeposit

Kata TH, amaun yang dipindahkan ke Akaun Dormant itu, bagaimanapun masih lagi boleh dituntut dan dibayar kepada pendeposit TH menurut peruntukan Seksyen 23(2), Akta Tabung Haji 1995.

"Pendeposit dinasihatkan supaya mengaktifkan akaun

masing-masing dengan melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi simpanan, pengeluaran wang di mana-mana cawangan TH, kaunter uniteller atau melakukan transaksi atas talian dengan mana-mana rakan strategik TH iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB di seluruh negara.

"Pendeposit juga boleh menyemak status akaun mereka di saluran-saluran ini dengan hanya membawa kad pengenalan masing-masing," kata TH menerusi kenyataan, semalam.

Menurut TH lagi, setiap tahun mereka akan mengingatkan pendeposit untuk memastikan status akaun sentiasa aktif di samping mengemaskini data peribadi seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris.

"Ia bagi memudahkan TH menghubungi pendeposit atau waris mereka untuk urusan penghantaran surat tawaran haji."

"Sebarang pertanyaan berkaitan akaun tidak aktif atau sebarang perkhidmatan TH, boleh hubungi Khidmat Pelanggan (THCC) di talian 0362071919," katanya.